



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS KOS BAHAN BINAAN, JULAI 2026

Indeks harga seunit pasir mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus sehingga 14.9 peratus pada Julai 2026

PUTRAJAYA, 10 OGOS 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, JULAI 2026**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, DOSM melaporkan bahawa indeks harga seunit pasir mencatatkan peningkatan pada Julai 2026, iaitu antara 0.1 peratus sehingga 14.9 peratus berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Terengganu & Kelantan (14.9%), diikuti dengan Kota Kinabalu (4.1%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.8%).

Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan kecil pada Julai 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.6 peratus hingga 0.9 peratus di beberapa kawasan. Peningkatan ini direkodkan di Perak (0.9%), diikuti oleh Tawau (0.7%) dan Sandakan (0.6%), manakala indeks harga seunit besi kekal tidak berubah di kebanyakan kawasan lain di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan kecil pada Julai 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.2 peratus hingga 0.8 peratus di beberapa kawasan. Peningkatan ini direkodkan di Perak (0.8%), diikuti oleh Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.3%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.2%). Sementara itu, indeks harga seunit simen kekal tidak berubah di kebanyakan kawasan lain di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Julai 2025 dan Julai 2026 menunjukkan indeks harga seunit besi telah merekodkan peningkatan antara 0.5 peratus hingga 8.4 peratus bagi kebanyakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit besi telah dicatatkan di Perak (8.4%), diikuti dengan Johor (6.3%) dan Pahang (4.8%).

Perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen telah mencatatkan peningkatan antara 0.9 peratus hingga 7.5 peratus pada Julai 2026 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Perak (7.5%), diikuti dengan Kuching dan Miri (masing-masing 7.2%).

DOSM turut melaporkan purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* mencatatkan penurunan kecil (-0.2%), dengan purata harga RM3,499.50 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Jun 2026: RM3,507.10 per tan metrik). Selain itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* kekal tidak berubah dengan purata harga RM25.70 per 50 kg sekarang.


Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia pada bulan Julai 2026 mencatatkan peningkatan iaitu antara 0.1 peratus hingga 1.4 peratus.

IKB termasuk bar keluli di Sabah pula menunjukkan peningkatan kecil iaitu 0.2 peratus hingga 0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan pada Julai 2026 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, perbandingan bulan ke bulan IKB termasuk bar keluli di Sarawak merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 1.3 peratus bagi semua kategori bangunan.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia,
Julai 2024 – Julai 2026**



**Carta 2: Purata Harga Simen (Ordinary Portland) Malaysia,
Julai 2024 – Julai 2026**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
10 OGOS 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BUILDING COST INDEX, JULY 2026

The unit price index of sand recorded an increase between 0.1 per cent to 14.9 per cent in July 2026

PUTRAJAYA, 10TH AUGUST 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JULY 2026**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, DOSM reported that the unit price index for sand recorded an increase in July 2026, ranging from 0.1 per cent to 14.9 per cent as compared to the previous month. The highest increase in the price index for this material was recorded in Terengganu & Kelantan (14.9%), followed by Kota Kinabalu (4.1%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.8%).

The unit price index for steel also recorded a slight increase, with month-on-month increases ranging from 0.6 per cent to 0.9 per cent across selected areas. The highest increase was observed in Perak (0.9%), followed by Tawau (0.7%) and Sandakan (0.6%), while the index remained unchanged in most other areas across Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The unit price index for cement recorded a slight increase ranging from 0.2 per cent to 0.8 per cent across selected areas as compared to the previous month. The highest increase was recorded in Perak (0.8%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.3%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.2%). Meanwhile the unit price index for cement remained unchanged in most other areas across Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of July 2025 and July 2026 has indicated that the unit price index for steel recorded an increase ranging from 0.5 per cent to 8.4 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase in the unit price index for steel was observed in Perak (8.4%), followed by Johor (6.3%) and Pahang (4.8%).

The year-on-year unit price index for cement recorded increases ranging from 0.9 per cent to 7.5 per cent in July 2026 as compared with the same month of the previous year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Perak (7.5%), followed by Kuching and Miri (7.2%), respectively.

The DOSM also reported that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded a slight decrease (-0.2%) with an average price of RM3,499.50 per metric tonne as compared to the previous month (June 2026: RM3,507.10 per metric tonne). Meanwhile, the average price of Ordinary Portland cement remained unchanged with an average price of RM25.70 per 50 kg bag.


The monthly comparison of BCI with steel bars, by building category and region in Peninsular Malaysia for July 2026 recorded an increase ranging from 0.1 per cent to 1.4 per cent.

The BCI with steel bars in Sabah recorded a slight decrease ranging from 0.2 per cent to 0.5 per cent for all building categories in July 2026 as compared to the previous month. However, the month-on-month comparison of BCI with steel bars in Sarawak registered an increase ranging from 0.2 per cent to 1.3 per cent for all categories of buildings.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia,
July 2024 – July 2026**



**Chart 2: Average Price of Cement (Ordinary Portland), Malaysia,
July 2024 – July 2026**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 AUGUST 2026**